



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PANDANGAN MENGENAI BEBAN KERJA  
GURU BIMBINGAN DI SEKOLAH MENENGAH  
DI NEGERI PERAK**

**TAMRIN BIN HAJI ABD.SHUKOR**

**FPP 1998 93**



**PANDANGAN MENGENAI BEBAN KERJA  
GURU BIMBINGAN DI SEKOLAH MENENGAH  
DI NEGERI PERAK**

**OLEH**

**TAMRIN BIN HAJI ABD. SHUKOR**

**Tesis Yang dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat untuk  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**OKTOBER 1998**



## PENGHARGAAN

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurniaNya hingga membolehkan saya menyelesaikan kajian ini.

Tesis ini tidak dapat diselesaikan dengan baik tanpa penglibatan dari berbagai pihak. Oleh itu dengan rendah hati pengkaji pada kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan rasa syukur kepada pihak-pihak berkenaan tanpa maksud untuk melebih-lebihkannya.

Ucapan terima kasih ini secara khusus pengkaji sampaikan kepada :

- I. Y.Bhg. Datin Dr. Mizan Adiliah bt. Ahmad Ibrahim, Dr. Rohani bt. Ahmad Tarmizi dan Dr. Nordin b. Kardi selaku ahli-ahli jawatankuasa penyelia yang masing-masing telah begitu banyak melibatkan diri secara langsung dalam proses bimbingan tesis bagi pengkaji. Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Datin Dr. Mizan Adiliah atas segala usaha, perhatian, sokongan serta bimbingannya yang berkesan. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada Dr. Aminah Hashim dan Dr. Sidek Noah yang telah memberi teguran, bimbingan dan galakan kepada saya. Demikian juga kepada Dr. Nazaruddin b. Jali yang telah memberi galakan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini.

- II. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Tuan Haji Jumaat bin Dato' Hji Mohd Noor, bekas Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dato' Haji Mohd Khalid bin Abdul Halim, bekas Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang telah memberi kebenaran dan sokongan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah menengah di Negeri Perak.
- III. Prof. Dr. Mohd Arif Hussein yang telah memberi sokongan dan kerjasama supaya tesis ini dapat dikemukakan bagi memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi ijazah Master Sains. Juga kepada En. Alias bin Abdullah yang membantu tugas saya dalam menyemak tesis ini.
- IV. Encik Abdul Aziz b. Bashir, bekas Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Pengajian Siswazah yang telah memberi bimbingan dan teguran supaya mempertingkatkan persembahan tesis ini.
- V. Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM yang telah memberikan kemudahan serta sokongan dari segi pentadbiran.
- VI. Semua pensyarah Unit Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada pengkaji selama menuntut di UPM.
- VII. Semua pengetua sekolah menengah dan guru-guru bimbingan di sekolah-sekolah menengah di Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan untuk menjayakan penyelidikan ini.

**VIII. Semua sahabat saya di Maktab Perguruan Kinta, Ipoh dan Sekolah Menengah Dr. Megat Khas, Ipoh khususnya En. Yaakob b. Ibrahim, Encik Azmi dan Encik Jamal b. Abdul Rahman yang telah membantu saya dan memberi galakan untuk menyiapkan tesis ini.**

**Akhir sekali kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyempurnaan penyelidikan ini, saya ucapkan jutaan terima kasih. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas jasa dan budi baik mereka.**

**Tamrin b. Haji Abd. Shukor**

**Oktober 98**

## JADUAL KANDUNGAN

muka surat

PENGHARGAAN .....	ii
JADUAL KANDUNGAN .....	v
SENARAI JADUAL .....	ix
SENARAI RAJAH .....	xiii
ABSTRAK .....	xiv
ABSTRACT .....	xvii

### BAB

I	PENDAHULUAN .....	1
	Pengenalan .....	1
	Sejarah Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling .....	2
	Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia ....	3
	Pernyataan Masalah .....	7
	Objektif Kajian .....	10
	Objektif Am .....	10
	Objektif Khusus .....	10
	Persoalan Kajian .....	11
	Definisi Konsep .....	12
	Beban Kerja .....	12
	Guru Bimbingan .....	12
	Tugas Bimbingan dan Kaunseling .....	13
	Tugas Mengajar .....	17
	Orientasi Perkhidmatan Bimbingan .....	18
	Jumlah Waktu Mengajar .....	20
	Jumlah Masa untuk Tugas Bimbingan .....	20
	Kepentingan Kajian .....	20
	Batasan Kajian .....	22
II	SOROTAN BAHAN KAJIAN BERKAITAN .....	24
	Pengenalan .....	24
	Beban Kerja Guru Bimbingan .....	25
	Tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling .....	25
	Guru Bimbingan Sepenuh Masa .....	37
	Orientasi Bimbingan dan Kaunseling .....	42
	Orientasi Perkembangan .....	43
	Orientasi Pemulihan .....	55
	Orientasi Pencegahan .....	57



<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b> .....	<b>70</b>
	Pengenalan .....	70
	Rekabentuk Kajian .....	70
	Subjek Kajian .....	71
	Tempat Kajian .....	71
	Alat Kajian .....	72
	Profil Responden .....	73
	Tugas Bimbingan dan Kaunseling .....	73
	Tugas Mengajar .....	74
	Tugas Kokurikulum .....	76
	Tugas Pentadbiran .....	76
	Orientasi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling .....	77
	Kajian Rintis .....	77
	Pengumpulan Data .....	78
	Analisis Data .....	79
<b>IV</b>	<b>KEPUTUSAN KAJIAN</b> .....	<b>81</b>
	Pengenalan .....	81
	Profil Responden .....	82
	Tugas Bimbingan dan Kaunseling dan Keperluan Guru ....	85
	Bimbingan Menjalankan Tugas di Sekolah Menengah	
	Keperluan Menjalankan Tugas-tugas .....	88
	Bimbingan dan Kaunseling oleh Guru	
	Bimbingan Di Sekolah Menengah	
	Jumlah Masa Yang Diberikan Untuk Menjalankan .....	104
	Tugas Bimbingan dan Kaunseling	
	Guru Bimbingan Sepenuh Masa .....	109
	Bentuk Tugas-tugas Mengajar Yang Dilaksanakan .....	111
	oleh Guru Bimbingan Di Sekolah Menengah	
	Tugas-tugas Mengajar Menjejaskan Khidmat Bimbingan ....	117
	Bentuk Tugas Kokurikulum Yang Dilaksanakan oleh .....	123
	Guru Bimbingan	
	Tugas-tugas Kokurikulum Yang Menjejaskan Khidmat .....	129
	Bimbingan	
	Bentuk Tugas Pentadbiran Yang Dilaksanakan oleh .....	134
	Guru Bimbingan di Sekolah Menengah	
	Tugas-tugas Pentadbiran Menjejaskan Khidmat .....	141
	Bimbingan	
	Beban Kerja Menjejaskan Khidmat Bimbingan .....	146
	Bentuk Orientasi Perkhidmatan Bimbingan dan .....	148
	Kaunseling Yang kerap Dilaksanakan oleh Guru	
	Bimbingan Di Sekolah Menengah	
	Purata Jumlah Masa Tugas Bimbingan Kaunseling .....	150
	Dengan Jumlah Masa Yang Sepatutnya Diberikan untuk	
	Untuk Tugas Bimbingan dan Kaunseling	

	Jumlah Waktu Mengajar Yang Sebenarnya Dilaksanakan ....	152
	Dengan Purata Jumlah Waktu Mengajar Yang Sepatutnya Dilaksanakan oleh Guru Bimbingan Di Sekolah	
	Jumlah Waktu Mengajar Dengan Kecukupan Masa .....	154
	untuk Tugas Bimbingan dan Kaunseling	
	Kesimpulan .....	155
V	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN .....	158
	Pengenalan .....	158
	Tugas-tugas Bimbingan Yang Dijalankan .....	159
	Oleh Guru Bimbingan Di Sekolah Menengah	
	Tugas Bimbingan Yang Dijalankan Memberi Kesan .....	168
	Kepada Program Bimbingan dan Kaunseling	
	Pandangan Guru Bimbingan Terhadap Tahap .....	171
	Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	
	Jumlah Masa Untuk Tugas Bimbingan dan Kaunseling ....	173
	Masa Untuk Tugas Bimbingan .....	173
	Guru Bimbingan Sepenuh Masa .....	175
	Tugas Bukan Bimbingan .....	176
	Tugas Mengajar .....	177
	Tugas Kokurikulum .....	178
	Tugas Pentadbiran .....	179
	Jumlah Masa Untuk Tugas Bukan Bimbingan .....	180
	Jumlah Masa Untuk Tugas Mengajar .....	180
	Jumlah Masa Untuk Tugas Kokurikulum .....	183
	Jumlah Masa Untuk Tugas Pentadbiran .....	184
	Tugas Bukan Bimbingan Yang Menjejaskan Kemampuan ...	185
	Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik	
	Orientasi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling .....	190
	Perkhidmatan Bimbingan Berorientasi .....	191
	Pencegahan	
	Perkhidmatan Bimbingan Berorientasikan .....	194
	Perkembangan	
	Perkhidmatan Bimbingan Berorientasikan .....	198
	Pemulihan	
	Cadangan dan Saranan .....	199
	Guru Bimbingan Sepenuh Masa .....	200
	Jumlah Waktu Mengajar .....	201
	Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling .....	201
	Nisbah Guru Bimbingan Pelajar .....	203
	Pentadbiran Perkhidmatan Bimbingan .....	203
	Penyeliaan Aktiviti Bimbingan di sekolah .....	204
	Penilaian Program Bimbingan .....	205
	Latihan Guru Bimbingan .....	205
	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan .....	207



<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>211</b>
--------------------------	------------

**LAMPIRAN-LAMPIRAN**

<b>A Soal Selidik Penyelidikan .....</b>	<b>218</b>
<b>B Surat KP 5209/35 (4) Tahun 1954 .....</b>	<b>232</b>
<b>C Surat KP 5209/30/(13) dan Surat KP No. 3/67 .....</b>	<b>234</b>
<b>D Surat KP(PP) 0050/117/(58) .....</b>	<b>235</b>
<b>E Penggunaan Masa Untuk Tugas Bimbingan dan Kaunseling .....</b>	<b>237</b>
<b>F Sekolah-Sekolah Yang Terlibat Dalam Kajian .....</b>	<b>238</b>
<b>G Potongan-Potongan Akhbar .....</b>	<b>241</b>
<b>VITAE .....</b>	<b>246</b>



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>muka surat</b>
1	Skel Kekerapan Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling .....	73
2	Skel Tahap Persetujuan Guru Bimbingan .....	74
3	Skel Tugas-Tugas Mengajar Yang Menjejaskan Khidmat Bimbingan .....	75
4	Bilangan Dan Peratusan Guru Bimbingan Mengikut Jantina .....	82
5	Bilangan dan Peratusan Guru Bimbingan Mengikut Kawasan Bertugas .....	82
6	Bilangan dan Peratusan Guru Bimbingan Mengikut Gred Sekolah .....	83
7	Bilangan dan Peratusan Guru Bimbingan Mengikut Kelulusan .....	84
8	Bilangan dan Peratusan Guru Bimbingan Mengikut Lama Tugas Bertugas Sebagai Guru Bimbingan .....	85
9	Tugas-Tugas Bimbingan dan Kaunseling Yang Sangat Kerap Dilaksanakan .....	89
10	Tugas-Tugas Bimbingan dan Kaunseling Yang Tidak Kerap Dilaksanakan .....	92
11	Tugas-Tugas Bimbingan dan Kaunseling Yang Tiada Dilaksanakan .....	98
12	Tempoh Masa Untuk Tugas Bimbingan dan Kaunseling Pada Waktu Sekolah .....	105
13	Tempoh Masa Yang Sepatutnya Diberikan Untuk Tugas Bimbingan dan Kaunseling Pada Waktu Sekolah .....	107

14	Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Kecukupan Masa Untuk Menjalankan Tugas Bimbingan dan Kaunseling .....	108
15	Pendapat Guru Bimbingan Mengenai Kenyataan Guru Bimbingan Sepenuh Masa Patut Ada Di Sekolah Menengah .....	110
16	Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Kenyataan Bahawa Guru Bimbingan Sepenuh Masa Boleh Mengatasi Masalah Pelajar .....	111
17	Peratusan Guru bimbingan Yang Menjadi Guru Mata Pelajaran .....	112
18	Mata Pelajaran Yang Diajar Oleh Guru Bimbingan .....	113
19	Peratusan Guru bimbingan Mengikut Ke kerap an Menjalankan Tugas Sebagai Guru Ganti .....	114
20	Jumlah Waktu Mengajar Dalam Seminggu .....	115
21	Pandangan Guru bimbingan Terhadap Jumlah Waktu Mengajar Yang Sepatutnya Dalam Seminggu .....	116
22	Respon Guru bimbingan Mengenai Beban Mengajar Yang Menjejaskan Khidmat Bimbingan .....	118
23	Respon Guru Bimbingan Mengenai Mengenai Faktor Jumlah Waktu Mengajar Menjejaskan Kemampuan Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	119
24	Respon Guru Bimbingan Mengenai Faktor Sebagai Guru Ganti Menjejaskan Kemampuan Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	120
25	Respon Guru Bimbingan Mengenai Faktor Sebagai Guru Mata Pelajaran Menjejaskan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	121
26	Respon Guru Bimbingan Mengenai Faktor Bilangan Mata Pelajaran Menjejaskan Kemampuan Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	122
27	Peratusan Guru Bimbingan Yang Menjalankan Tugas Kokurikulum .....	124

28	Peraturan Guru Bimbingan Yang Menjalankan Jenis-Jenis Tugas Kokurikulum Yang Dilaksanakan oleh Guru Bimbingan .....	125
29	Jumlah Jam Untuk Tugas Kokurikulum Pada Waktu Sekolah .....	126
30	Jumlah Jam Untuk Tugas Kokurikulum Pada Luar Waktu Sekolah .....	127
31	Jumlah Jam Yang Sepatutnya Untuk Tugas Kokurikulum .....	128
32	Tugas Kokurikulum Yang Menjejaskan Kemampuan Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	130
33	Respon Guru Bimbingan Terhadap Tugas-Tugas Dalam Sukan dan Permainan Yang Boleh Menjejaskan Kemampuan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	131
34	Respon Guru Bimbingan Terhadap Tugas-Tugas Dalam Persatuan dan Kelab Yang Boleh Menjejaskan Kemampuan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	132
35	Respon Guru Bimbingan Terhadap Tugas-Tugas Dalam Badan-Badan Beruniform Yang Boleh Menjejaskan Kemampuan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....	133
36	Peraturan Guru bimbingan Yang Menjalankan Tugas Pentadbiran .....	134
37	Jenis-Jenis Tugas Pentadbiran Yang Dilaksanakan Oleh Guru Bimbingan .....	136
38	Jumlah Jam Untuk Tugas Pentadbiran Pada Waktu Sekolah .....	137
39	Jumlah Jam Untuk Tugas Pentadbiran Pada Luar Waktu Sekolah .....	139
40	Jumlah Jam Yang Sesuai Untuk Tugas Pentadbiran .....	140

<b>41</b>	<b>Tugas Pentadbiran Yang Menjejaskan Kemampuan Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....</b>	<b>142</b>
<b>42</b>	<b>Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Tugas-Tugas Pentadbiran Yang Boleh Menjejaskan Kemampuan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik (Jawatan Penting) .....</b>	<b>143</b>
<b>43</b>	<b>Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Tugas-Tugas Pentadbiran Yang Boleh Menjejaskan Kemampuan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik (Guru Pengawas) .....</b>	<b>144</b>
<b>44</b>	<b>Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Tugas-Tugas Pentadbiran Yang Boleh Menjejaskan Kemampuan Mereka Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik (Persatuan Ibu Bapa dan Guru Kelas) .....</b>	<b>146</b>
<b>45</b>	<b>Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Kenyataan Bahawa Beban Kerja Guru Bimbingan Boleh Menjejaskan Kemampuan Guru Bimbingan Dalam Memberikan Khidmat Bimbingan Yang Baik .....</b>	<b>147</b>
<b>46</b>	<b>Pendapat Guru Bimbingan Terhadap Beban Kerja Secara Keseluruhan .....</b>	<b>148</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>muka surat</b>
1	<b>Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Bercorak Orientasi Perkembangan .....</b>	<b>44</b>
2	<b>Model Tiga Dimensi Yang Dikemukakan Oleh Blocher .....</b>	<b>48</b>
3	<b>Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Bercorak Orientasi Pemulihan .....</b>	<b>56</b>
4	<b>Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Bercorak Orientasi Pencegahan .....</b>	<b>58</b>
5	<b>Teori Tiga Model Yang Dikemukakan Oleh Blocher .....</b>	<b>61</b>
6	<b>Orientasi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah .....</b>	<b>69</b>

**Abstrak Tesis Yang dikemukakan Kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah  
Master Sains**

**PANDANGAN MENGENAI BEBAN KERJA GURU BIMBINGAN  
DI SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI PERAK**

Oleh

**TAMRIN BIN HAJI ABDUL SHUKOR**

**OKTOBER 1998**

**Pengerusi : Datin Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim, Ph.D**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan guru bimbingan terhadap beban kerja guru bimbingan di sekolah menengah. Data diperolehi daripada satu set soal selidik yang dikemukakan kepada 104 guru bimbingan yang bertugas di negeri Perak.

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti tugas-tugas yang dilaksanakan oleh guru bimbingan dan lama masa yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Kajian ini juga meneliti sama ada tugas-tugas ini boleh membebankan dan menjejaskan kemampuan guru bimbingan dalam memberikan tugas bimbingan yang berkesan serta meneliti tugas-tugas bimbingan yang dilaksanakan oleh guru bimbingan

dan mengkaji sama ada masa untuk tugas bimbingan itu mencukupi. Kajian ini juga untuk mengenalpasti orientasi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan di sekolah menengah. Pandangan guru bimbingan mengenai keperluan mengadakan guru bimbingan sepenuh masa di sekolah juga turut dikaji.

Hasil kajian ini menunjukkan kebanyakan guru bimbingan menjalankan tugas-tugas mengajar, kokurikulum dan pentadbiran di sekolah dan masa untuk menjalankan tugas-tugas ini jauh lebih tinggi daripada masa minimum yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan (1984). Akibatnya lebih ramai guru bimbingan merasakan tugas-tugas tersebut membebankan dan boleh menjejaskan kemampuan mereka dalam memberikan khidmat bimbingan yang berkesan. Masa untuk melaksanakan tugas bimbingan adalah lebih rendah dari masa minimum yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan (1984). Guru bimbingan merasakan masa untuk tugas bimbingan adalah kurang mencukupi. Dengan itu didapati guru bimbingan merasakan bahawa 18% sahaja tugas bimbingan dapat dilaksanakan. Tugas yang kerap dilaksanakan oleh guru bimbingan ialah kaunseling individu untuk masalah pelajaran dan kaunseling individu untuk masalah peribadi.

Tugas-tugas lain termasuk menyumbangkan bahan maklumat untuk papan kenyataan, memberi ceramah bimbingan kerjaya, pelajaran dan peperiksaan dan akhir sekali ialah mengisi dan mengemaskini kad kumalatif.



Berdasarkan maklumbalas di atas, didapati bahawa tugas bimbingan dan kaunseling adalah tidak seimbang apabila tugas bimbingan dan kaunseling yang berorientasi pemulihan dan perkembangan kurang diutamakan manakala tugas bimbingan yang berorientasi pencegahan pula tidak dilaksanakan. Ramai guru bimbingan bersetuju dengan cadangan mengadakan guru bimbingan sepenuh masa di sekolah menengah.

**Abstract of the thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia as partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science**

**AN OVERVIEW OF GUIDANCE TEACHERS' WORK LOAD  
IN SECONDARY SCHOOLS IN PERAK**

by

**TAMRIN BIN HAJI ABDUL SHUKOR**

**OCTOBER 1998**

**Chairperson: Datin Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim, Ph.D**

**Faculty: Educational Studies**

The intention of this study was to gauge the opinions of guidance teachers towards their work load in secondary school. Data was obtained through a set of questionnaires administered to 104 guidance teachers in the state of Perak.

The main aim of this study was to identify the type of duties carried out by guidance teachers and time spent in carrying out these duties. The study ascertained whether these duties burdened and adversely affected the ability of the guidance teachers in performing their counselling duties effectively. The nature of counselling duties carried out by guidance teacher was also examined in order to ascertain if the time allotted for



these guidance duties was adequate. This study also identified the existing guidance and counselling orientations in secondary school and examined the views of guidance teachers as to the need of having full time guidance teachers in schools.

The result revealed that most guidance teachers carried out their normal teaching, students' co-curricular activities and administrative duties over and above their guidance duties in school and time spent on these duties far exceeded the minimum time proposed by the Ministry of Education (1984). As a consequence, a large number of guidance teacher felt that these duties burdened them and in turn affected adversely their ability to provide effective guidance service. Furthermore, the time allocated for guidance and counselling service in school was far less than the minimum time proposed by the Ministry of Education (1984). The guidance teachers felt that the time allocated for guidance service was inadequate. Thus, they often carried out only 18% of their guidance programme. The duties often carried out by the guidance teachers included individual counselling for educational and personal problems. Others duties included distributions of information for notice boards, giving career guidance, educational and examination technique talks and finally completing and updating cumulative cards. Findings of this study indicated that guidance teachers gave priority to counselling service.

It could therefore be ascertained that the provisions of guidance and counselling programmes in school were not balanced. Remedial and developmental programmes were given less priority and guidance programmes of preventive nature were not carried out at all. Finally, a large number of guidance teachers agreed to the proposal of having a full time guidance teachers in secondary schools.



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

Kajian ini meninjau pandangan guru bimbingan terhadap beban kerja guru bimbingan di sekolah menengah. Kajian ini dimulakan dengan pengenalan kepada latar belakang dan sejarah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Amerika Syarikat dan Malaysia serta memberi penjelasan mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, definisi konsep, kepentingan kajian dan batasan kajian.

Ia diikuti dengan sorotan bahan-bahan kajian yang berkaitan dengan beban kerja guru bimbingan dan orientasi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Selanjutnya kajian ini juga memberi perhatian kepada metodologi kajian dan keputusan kajian. Bab yang terakhir ini memberi tumpuan kepada perbincangan dan kesimpulan kajian.

#### **Pengenalan**

Bab ini menghuraikan latar belakang dan sejarah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Amerika Syarikat serta perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia. Seterusnya menjelaskan mengenai

pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi konsep, kepentingan kajian dan batasan kajian.

### **Sejarah Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling**

Dari segi sejarah, bimbingan dan kaunseling bermula di Amerika Syarikat pada awal abad ke-20. Faktor yang mendorongkan perkembangan ini ialah kesan perindustrian, kemelesetan ekonomi, reformasi sosial dan gerakan kesihatan yang membawa perubahan besar dalam bidang kehidupan manusia terutama dalam cara berfikir, struktur keluarga dan perhubungan manusia (Gibson, 1981).

Perkembangan telah dimulai dengan penubuhan "Biro Vokasional" pada tahun 1909 di bandar Boston oleh Frank Parson. Ia menumpukan perhatian dalam bidang vokasional hingga dikenali sebagai "The Father of Guidance Movement". Kemudian, muncul pula konsep pendidikan kerjaya yang mementingkan hubungan kerjaya dengan aspek personaliti dan konsep diri. Ini diikuti oleh Gerakan Psikometrik yang mengemukakan ujian yang standard seperti ujian kecerdasan, minat, personaliti dan pencapaian yang telah digunakan oleh calon-calon tentera (Gibson, 1981).

Di sekolah menengah di Amerika Syarikat, gerakan bimbingan telah mula diperkembangkan setelah "National Defence Education Act" diluluskan oleh Kongres pada tahun 1958. Akta tersebut kemudian dipinda dalam tahun 1962 untuk menggiatkan perkembangan bimbingan di sekolah menengah yang terdapat di Amerika Syarikat. Latihan telah diadakan di

peringkat universiti dan hingga kini mereka yang ahli dalam bimbingan dan kaunseling sahaja yang menjalankan praktik sebagai kaunselor. Pada masa tersebut kaunselor telah mula menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan menggunakan ujian-ujian personaliti. Bidang bimbingan dan kaunseling diluaskan lagi kepada masalah penagihan dadah, masalah jurang generasi antara tua dan muda dan masalah keciciran dan kaunseling dalam organisasi dan industri.

### **Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia**

Di Malaysia, perkhidmatan bimbingan telah bermula apabila Unit Panduan Pelajaran dan Kerjaya ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1968. Berkaitan dengannya, Jabatan Pelajaran Negeri pula telah melantik seorang pegawai untuk mengendalikan perkhidmatan bimbingan di tiap-tiap negeri. Sejak itu, guru bimbingan telah dilantik untuk melaksanakan tugas-tugas bimbingan di sekolah menengah.

Guru bimbingan dikehendaki menjalankan dua tugas iaitu mengajar 25 waktu dalam seminggu dan melaksanakan tugas bimbingan (Abdul Latif, 1984). Mengikut Kementerian Pelajaran (1966), tugas bimbingan meliputi perkara-perkara di bawah:

- (a) Panduan Pelajaran - untuk membolehkan pelajar-pelajar menerima pelajaran yang sesuai dengan bakat dan kebolehan mereka.

- (b) Panduan Pekerjaan - untuk membolehkan pelajar-pelajar memilih pekerjaan yang sesuai dengan kecenderungan dan kebolehan mereka apabila tamat persekolahan.
- (c) Panduan Kesihatan - untuk membolehkan pelajar-pelajar memenuhi kehendak jasmani mereka.
- (d) Panduan Peribadi - untuk membolehkan pelajar-pelajar membentuk sikap dan jiwa mereka untuk hidup sempurna dalam masyarakat.

Berdasarkan kepada perkembangan di atas, Iyer (1980) telah melaporkan bahawa kursus asas panduan kerjaya telah dimulakan pada tahun 1969 hingga tahun 1980. Kursus selama enam hari itu lebih menekankan kepada panduan pelajaran dan kerjaya. Kursus itu banyak menerangkan kerjaya yang terdapat dalam sektor awam dan swasta, cara membuat permohonan untuk mendapat pekerjaan dan cara menghadiri temuduga. Peserta-peserta kursus tersebut telah diajar teknik-teknik dan cara-cara untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pelajaran dan pemilihan kerjaya.

Iyer (1980) telah melaporkan bahawa jumlah guru yang telah menyertai kursus ini dari tahun 1969 hingga tahun 1980 adalah seramai 3,451 orang. Menurut Abdul Latif (1984) pula pada tahun 1979, seramai 700 orang guru bimbingan masih menjalankan tugas-tugas bimbingan di sekolah tetapi yang lain telah meninggalkan lapangan ini kerana kenaikan pangkat, pertukaran jawatan dan tempat kerja atau tidak berminat menjadi guru bimbingan lagi.



Guru-guru bimbingan tersebut telah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk kerjaya sahaja. Di samping itu Kementerian Pendidikan telah disaran supaya melaksanakan kegiatan bimbingan dan kaunseling dengan sepenuhnya tidak semata-mata tertumpu kepada kegiatan kerjaya sahaja (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Oleh kerana itu, sejak awal tahun 80-an, Kementerian Pelajaran berusaha mengadakan kursus yang lebih komprehensif untuk melatih bakal guru-guru bimbingan. Kursus tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu peringkat sijil, ijazah pertama, diploma lanjutan dan ijazah lanjutan. Tujuan kursus tersebut ialah untuk melatih bakal guru bimbingan yang boleh melaksanakan perkhidmatan bimbingan yang lebih luas dan menyeluruh. Dijangkakan dengan terlaksana program tersebut, Kementerian Pendidikan akan mempunyai 3000 orang guru bimbingan yang terlatih di sekolah menengah di Malaysia (Wan Kadir dan Shuib, 1985).

Peranan dan fungsi guru bimbingan telah disemak semula supaya bidang khidmat bimbingan menjadi bertambah luas dan masa untuk tugas bimbingan dan kaunseling turut meningkat seperti yang terdapat dalam buku "Panduan Pelaksanaan Khidmat Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah" yang diedarkan ke sekolah-sekolah menengah di negara ini pada tahun 1984. Sejak itu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berpandukan kepada buku tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah juga memberi definisi tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ini dapat dijelaskan dalam buku Panduan Pelaksanaan Khidmat Bimbingan dan Kaunseling di